

Medan terbaik eratkan kakitangan UMS

► Kejohanan Sukan Kakitangan Universiti Malaysia Sabah Ke-18 2019

UB 19-7-2019 #9
LABUAN: Kejohanan Sukan Kakitangan Universiti Malaysia Sabah (SUKUMS) Ke-18 2019 yang diadakan di UMS Kota Kinabalu pada 11-14 Julai lalu merupakan medan terbaik untuk mengeratkan hubungan persahabatan dalam kalangan kakitangan universiti tersebut.

Demikian dinyatakan Pendaftar UMS, Zahriani Yusof @ Vina Joseph ketika berucap menyempurnakan majlis perasmian SUKUMS 2019 di Dewan Arena UMS, Kota Kinabalu.

Turut hadir Pengarah UMSKAL, Prof Dr Murnizam Haji Halik dan Pengarah Pusat Sukan UMS, Ahmadi Haji Nurdin.

Vina berkata di samping untuk memburu kemenangan, atlet yang bertanding mempunyai matlamat untuk mencari



VINA bersama atlet kontinjen Super 9 yang meraih 11 pingat emas.

kenalan baru sambil mengekalkan persahabatan dengan sahabat yang sudah lama dikenali.

“Kita wajar merebut ruang dan peluang yang ada ini untuk mengeratkan persahabatan antara kakitangan UMS Kota Kinabalu, Labuan dan Sandakan.



ATLET D'Arts gembira memperolehi 10 emas.

“Pihak Pusat Sukan UMS bercadang untuk mengadakan SUKUMS di Sandakan dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi memberi peluang kepada kakitangan melihat sendiri kedua-dua kampus tersebut,”katanya.

Pada masa sama, Vina berharap semangat sukan yang ditunjukkan itu dapat dibawa ke dalam pekerjaan selain memberi peluang kepada kakitangan yang berbakat dalam sukan untuk menonjolkan kebolehan masing-masing.

Acara memancing dan sukan pentanque turut diadakan pada SUKUMS 2019.

SUKUMS 2019 disertai lapan kontinjen iaitu Super 9, D'Arts, Royal Esteem, The Legend, Twin Tower, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Science



VINA dan Prof Dr Murnizam bersama atlet UMSKAL.



PROF Dr Ismail Ali (lima kiri) bersama pemain golf sebelum pertandingan diadakan di Nexus Golf Resort Karambunai.



TIGA pingat emas dibawa balik kontinjen Sandakan.

United dan Sandakan.

Vina mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pegawai dan Kakitangan Pusat Sukan UMS dan urusetia yang berjaya melaksanakan tanggungjawab dan tugas mereka sepanjang empat hari SUKUMS itu

dilaksanakan.

“Kejohanan SUKUMS

berlangsung dengan jayanya kerana mendapat sokongan dan kerjasama yang padu daripada semua pegawai, atlet dan urusetia sendiri yang diketuai Pengarah Pusat Sukan, Ahmadi Nurdin.

“Semoga komitmen semua pihak itu akan diteruskan pada masa akan datang,”katanya.

Beliau yakin SUKUMS juga dapat memilih atlet terbaik bagi mewakili UMS yang akan menjadi tuan rumah Sukan Kakitangan IPTA Kebangsaan pada tahun 2020.



KONTINJEN Science United tetap memberikan saingan sengit kepada kontinjen lain.



AHMADI (duduk tiga kiri) bersama atlet The Legend.



ATLET Twin Tower ceria bersama Pendaftar UMS, Zahriani Yusof @ Vina.



SEBANYAK 9 emas diperolehi atlet Royal Esteem.



PENDAFTAR UMS, Zahriani Yusof @ Vina menerima cenderamata daripada Ahmadi sambil diperhatikan atlet yang menyertai SUKUMS 2019.